

05/08/2000

Tugas Mustapa pula tawan Kelantan

Nasir Hassan

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan Umno tidak akan dapat merampas semula Kelantan daripada Pas dalam tempoh terdekat jika ahlinya tidak bersatu, ada yang menganggap kenyataan itu sebagai menyuntik semangat atau perangsang kepada ahli Umno supaya bekerja kuat untuk menghadapi pilihan raya.

Rupa-rupanya telahan Perdana Menteri itu menjadi kenyataan apabila Pas berjaya menguasai Kelantan dalam pilihan raya umum tiga penggal berturut-turut mulai 1990.

Kenyataan sulung itu dibuat ketika Dr Mahathir melakukan lawatan pertama selepas Umno mengalami kekalahan teruk di tangan Pas di Kelantan dalam pilihan raya umum 1990. Semua kerusi, termasuk 13 Parlimen dan 39 Dewan Undangan Negeri (DUN), dimenangi Pas - satu sejarah pahit bagi Umno yang sukar dilupakan.

Ketika ini, Kelantan mempunyai 14 kerusi Parlimen dan 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya pada 1995.

Kenyataan Presiden Umno itu mungkin berasaskan kepada pengamatannya bahawa Umno Kelantan ketika itu belum 'kebah daripada demam' akibat pergolakan dalaman di peringkat pusat sehingga parti itu diharamkan pada 1988.

Malah, ketika itu ada ahli Umno yang masing-masing menuding jari menyalahkan sesama sendiri, menyebabkan ia mengalami kekalahan teruk. Apa pun, hakikat kekalahan itu mesti diterima.

Sambil itu, ahli Umno hendaklah bertafakur sejenak dan bermuhasabah bagi mencari punca sebenar keadaan itu boleh berlaku bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Mereka harus bertanya apakah mereka sudah bersedia untuk menghadapi hari-hari yang mendatang dalam menangani arus politik yang melanda selepas Kelantan memasuki penggal ketiga di bawah pemerintahan kerajaan Pas.

Mampukah Umno Kelantan mengembalikan kekuatan untuk menentang Pas pada pilihan raya akan datang apabila pucuk pimpinan parti bertukar tangan daripada Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) kepada Datuk Mustapa Mohamed (Tok Pa) sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Persoalan mengapa perubahan dalam pucuk pimpinan Umno Kelantan bertukar tangan tidak harus berbangkit jika ahlinya mahu menghayati kenyataan Perdana Menteri itu sebagai cabaran kepada mereka.

Pemerhati politik berpendapat, Umno memang inginkan kemenangan tetapi ahlinya tidak demikian lantaran sikap yang ditunjukkan segelintir ahlinya sendiri. Mereka tidak patut lagi bercakaran sesama sendiri mengenai soal remeh-temeh dalam parti hingga menyebabkan tidak wujudnya perpaduan dalam erti kata sebenar.

Wujudnya elemen yang tidak sihat dalam parti itulah timbulnya apa yang dikatakan 'cah keting' atau sabotaj calon sendiri. Ini semua akibat dendam kesumat dan nafsu amarah ahli yang tidak bertanggungjawab sehingga ada yang sanggup berkempen untuk parti lawan.

Malah, ada sesetengah ahli Umno lebih ghairah berkempen untuk memenangi jawatan ketua bahagian daripada berkempen untuk parti pada musim pilihan raya.

Mandat yang diberi oleh Presiden parti melantik Tok Pa sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan sewajarnya dimanfaatkan oleh setiap ahli tanpa mengira sentimen peribadi.

Pelantikan Tok Pa patut dilihat dari perspektif yang luas dan tidak terbatas kepada kekananan kerana Umno memerlukan angin perubahan sesuai dengan senario politik dalam negara, khususnya di Kelantan.

Tok Pa mempunyai tugas berat - bukan saja bertanggungjawab menerajui kepemimpinan Umno Kelantan, malah sebagai Ketua Penerangan Umno Pusat. Namun, walau seberat mana tugas itu, mahu tidak mahu Tok Pa terpaksa memikul tanggungjawabnya.

Ku Li dalam kenyataan pertamanya di Gua Musang selepas rombakan dalam Badan Perhubungan Umno negeri baru-baru ini meminta ahli Umno memberi sokongan padu kepada Tok Pa sebagaimana kepercayaan yang diberikan pucuk pimpinan parti, khususnya Dr Mahathir.

Beliau yakin Penasihat Kementerian Kewangan itu sebagai seorang pemimpin yang berwibawa untuk membawa segala perubahan kepada masa depan Umno negeri ini.

"Saya harap semua pemimpin (ahli) Umno Kelantan memberi sokongan padu kepada Datuk Mustapa yang diberi kepercayaan oleh peringkat tertinggi parti, khususnya Perdana Menteri untuk menerajui kepemimpinan Umno negeri ini.

"Saya percaya beliau (Tok Pa) mampu merancang dan membuat persiapan rapi dalam merangka strategi untuk menghadapi parti lawan, khususnya Pas, dalam pilihan raya nanti," katanya selepas majlis perjumpaan dengan Orang Asli di Dewan Rakyat Kampung Chengkelik, Gua Musang, baru-baru ini.

Beliau berpendapat, Tok Pa mempunyai masa panjang untuk membuat persiapan dalam menghadapi pilihan raya akan datang serta boleh membawa perubahan ke arah kemenangan Umno bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di Kelantan.

Adalah diyakini rakyat Kelantan semakin sedar mengenai perubahan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan parti terhadap perjuangan dan hala tuju Umno dan rakyat negeri ini seluruhnya.

Ku Li pernah menyatakan bahawa beliau tidak bercadang untuk memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan tetapi terpaksa menerimanya setelah ditawarkan oleh Perdana Menteri.

"Dalam tempoh empat bulan saya memegang jawatan itu, saya telah berusaha sedaya-upaya untuk mencapai kemenangan tetapi nasibnya belum menyebelahi Umno," katanya.

Sehubungan itu, Ku Li memberi kepercayaan kepada pemimpin yang baru dilantik supaya dapat membawa perubahan serta menjamin kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang di Kelantan.

Bertolak kepada hakikat itu, Umno tidak harus lagi berpeluk tubuh, sebaliknya hendaklah merangka strategi menentang parti lawan. Diperhatikan Umno tidak banyak menggerakkan jenteranya di seluruh negeri berbanding Pas. Dalam soal ini, mereka harus meniru Pas.

Ku Li bersama pemimpin Umno negeri yang lain seharusnya tidak keberatan untuk mencurahkan segala pengalaman kepada barisan kepemimpinan baru. Apatah lagi apabila beliau diberi penghormatan dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini.

Dari segi kempen, Pas kini lebih banyak mengadakan ceramah walaupun bukan pada musim pilihan raya. Ini termasuk ceramah perdana yang disertai pemimpin tertinggi parti itu seperti Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Presiden, Datuk Fadzil Noor, dan Timbalannya, Abdul Hadi Awang.

Ini tidak termasuk kuliah pagi Jumaat yang diadakan di Bangunan Pas Negeri setiap minggu. Walaupun kuliah itu lebih berbentuk pengajaran agama, sebagai pemimpin politik Nik Aziz tidak terlepas daripada membangkitkan isu politik semasa.

Ahli Umno patut menerima hakikat kenyataan Nik Aziz sendiri yang mengakui kemenangan besar Pas pada pilihan raya umum lalu bukan kerana kekuatan parti itu tetapi kerana kelemahan Umno.

Selain itu, ada beberapa faktor penyumbang lain seperti tercetusnya gerakan reformasi yang dilancarkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Untuk memantapkan lagi jentera parti di peringkat negeri, Pas mulai tahun ini turut membuat rombakan apabila beberapa pegawai lama dalam anggota Badan Perhubungan Pas negeri diganti dengan muka baru.

Ini termasuk Setiausaha Badan Perhubungan Pas, yang dahulunya disandang Speaker Dewan Undangan Negeri, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, yang digantikan oleh Wan Ismail Jusoh, bekas Setiausaha Akhbar Menteri Besar, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor.

Jawatan Ketua Penerangan Pas yang sebelum ini disandang oleh Abdul Fatah Harun, yang juga Ahli Parlimen Rantau Panjang, kini digantikan oleh Zulkifli Mamat, Adun Pulau Chondong.

Selain itu, Pas Kelantan turut melantik Ahli Parlimen Pasir Mas, Ismail Noh, sebagai Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri, menggantikan bekas Adun Banggol Judah, Yahya Othman, yang kini dilantik Penasihat Badan Perhubungan itu bersama-sama ahli veterannya, Mohd Amin Yaakob.

Senario politik Kelantan sekarang semakin berubah dan rakyat negeri ini mungkin tidak mudah terpengaruh kepada kempen yang keterlaluan.

Mereka lebih matang dengan sepak terajang pemimpin politik sekarang dan dapat membezakan antara kehidupan mereka ketika di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) dengan Pas.

(END)